

BAB ENAM

BAB ENAM

KESIMPULAN

6.1 KESIMPULAN

Rumusan daripada huraian dan perbincangan dalam disertasi ini menunjukkan *mut'ah* adalah salah satu daripada hak-hak yang wajib diberikan oleh suami kepada isterinya yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut. Ia adalah satu anugerah Allah s.w.t dan lambang keperihatinan Islam terhadap nasib kaum wanita. Suami tidak boleh sewenang-wenangnya melepaskan tanggungjawab yang telah diamanahkan terhadap isteri-isterinya sebagaimana yang telah ditentukan oleh Allah s.w.t sama ada semasa perkahwinan mahupun selepas berlakunya perceraian.

Islam tidak menggalakkan perceraian dan hidup membujang serta memutuskan nafsu syahwat kerana ianya bertentangan dengan norma masyarakat dan fitrah kejadian manusia. Namun demikian, Islam masih tidak menutup pintu perceraian rapat-rapat. Ia adalah jalan keluar terakhir sekiranya

matlamat perkahwinan itu gagal dicapai dan lebih memudaratkan sekiranya ikatan itu diteruskan.

Hukum perceraian pada asalnya adalah harus walaupun ada sebahagian *fuqahā'* yang berpendapat hukumnya makruh. Tetapi, hukum perceraian adakalanya menjadi berbeza-beza iaitu boleh menjadi wajib, haram, sunat dan makruh berdasarkan keadaan tertentu. Bentuk-bentuk perceraian pula terdapat pelbagai jenis sebagaimana yang diakui oleh Islam. Antaranya ialah perceraian melalui *ṭalāq* (oleh pihak suami), *khul'* (juga di panggil tebus *ṭalāq* oleh pihak isteri), *ta'liq* (perceraian oleh pihak isteri menurut syarat yang dimasukkan dalam perjanjian perkahwinan), atau *fasakh* (pembubaran perkahwinan oleh mahkamah). Lain-lain bentuk pembubaran perkahwinan ialah *ḡihār* (iaitu apabila suami menyerupakan isterinya dengan seorang saudaranya yang muhrim seperti ibunya), *ila'* (apabila suami bersumpah tidak akan mendekati isterinya selama empat bulan atau lebih), dan *li'an* (apabila suami mengangkat sumpah yang isterinya telah berzina dan pihak isteri telah mengangkat sumpah yang tuduhan suaminya itu adalah tidak benar). Walau bagaimanapun, pada masa sekarang, tiada lagi perceraian boleh dikuatkuasakan ataupun dibenarkan, di luar Mahkamah.

Di bawah Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 47 mengadakan peruntukan bagi seseorang suami atau isteri menyerahkan permohonan untuk perceraian dengan *ṭalāq* atau

dengan perintah. Jika pihak yang satu lagi itu bersetuju terhadap perceraian itu dan mahkamah berpuas hati bahawa perkahwinan itu telah "*pecahbelah dengan tak dapat dipulihkan*", maka mahkamah "*hendaklah menasihatkan suami supaya melafazkan satu $\dot{t}alāq$ di hadapan mahkamah*" (subseksyen 3), dan hendaklah merekodkan hal satu $\dot{t}alāq$ itu dan menghantar satu salinan rekod itu yang diperakui kepada Ketua Pendaftar untuk didaftarkan (subseksyen 4). Manakala dalam seksyen 124 pula memperuntukan bahawa seseorang lelaki yang menceraikan isterinya dengan melafazkan $\dot{t}alāq$ di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah hendaklah di hukum dengan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Menurut Islam, perceraian tidak bermakna suami boleh melepaskan tanggungjawabnya dengan sewenang-wenangnya. Bagi memastikan keadilan tercapai dan tidak berlaku penganiayaan terhadap isteri yang telah diceraikan, Islam telah memperuntukkan beberapa hak isteri yang wajib ditunaikan oleh suami yang menceraikan isterinya itu. Di antara hak-hak tersebut ialah maskahwin (sekiranya belum dijelaskan semasa *aqad* atau di sepanjang usia perkahwinan), nafkah '*iddah*, harta sepencarian, *ḥadānah* dan *mut'ah*.

Peruntukan dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, ada menyatakan iaitu selain haknya (isteri) untuk memohon nafkah, seorang isteri yang diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon *mut'ah* atau bayaran saguhati. *Fuqahā'*

bersependapat menyatakan bahawa tujuan pemberian *mut'ah* kepada isteri yang diceraikan itu adalah sebagai sagu hati untuk mengubat hati dan menjadi iringan kepada perpisahan yang telah berlaku dan sebagai persediaan untuk menghadapi berbagai masalah yang bakal menimpa akibat daripada perpisahan tersebut.

Walau bagaimanapun, *fuqahā'* berbeza pendapat dalam mentakrifkan istilah *mut'ah*. Golongan *al-Syāfi'iyah* mentakrifkan *Mut'ah* sebagai suatu harta yang wajib diberi oleh suami kepada isteri yang diceraikannya tanpa sebab yang dibenarkan oleh Hukum Syarak. Inilah juga pandangan golongan *al-Hanafiyah* dan *al-Hanābilah*. Harta tersebut baik berupa harta yang berbentuk sementara seperti wang, makanan dan pakaian atau harta kekal sama ada yang boleh di alih seperti kenderaan serta yang tidak boleh di alih seperti tanah, rumah dan sebagainya. Hak ini tidak akan lupus kecuali isteri yang diceraikan itu bersetuju untuk menggugurkan tuntutan tersebut. Manakala golongan *al-Mālikiyah* berpendapat ia adalah suatu ihsan daripada suami terhadap isteri yang diceraikan. Hukumnya adalah sunat. Walau bagaimanapun, di Malaysia amnya dan di Wilayah-Wilayah Persekutuan khususnya, isu tersebut tidak menjadi suatu masalah yang besar kerana undang-undang syariah yang diikuti adalah mengikut aliran mazhab *al-Syāfi'i*.

Sehubungan dengan itu, mengikut pendapat yang *azhār* daripada mazhab *al-Syāfi'i* menyatakan bahawa *mut'ah* diwajibkan kepada semua isteri

yang diceraikan sama ada sebelum bersetubuh atau selepas bersetubuh kecuali dalam kes perceraian yang berlaku bagi isteri yang belum pernah disetubuhi oleh suami tetapi telah di fardukan *mahr* pada masa akad. Alasannya ialah kerana dia berhak untuk mendapat separuh daripada *mahr* tersebut. Walau bagaimanapun perceraian itu hendaklah tidak disebabkan oleh isteri dan pihaknya atau disebabkan aib yang ada pada dirinya itu. Cuma, al-Imām al-Zāhirī mewajibkan *mut'ah* untuk semua isteri yang diceraikan sama ada yang di cerai hidup atau mati, sebelum atau selepas persetubuhan, telah di fardukan *mahr* atau tidak, malah menceraikan isterinya kemudian merujuknya kembali pada masa *'iddah*, dia masih dikehendaki membayar *mut'ah* tersebut.

Selain itu, *fuqahā'* juga tidak bersependapat dalam menetapkan kadar *mut'ah*. Keadaan ini disebabkan tidak ada satu *naṣ* yang sahih untuk menerangkan tentang kadar tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat ayat-ayat al-Quran secara umumnya menjelaskan tentang kadar tersebut. Umpamanya dalam ayat 236 surah al-Baqarah ada menyatakan bahawa pemberian *mut'ah* adalah mengikut kemampuan atau kedudukan kewangan suami. Tidak dinyatakan kadar minima dan maksima serta sifat dan kedudukan isteri dalam masyarakat. Namun, dari segi prinsipnya, *fuqahā'* bersepakat dalam menetapkan kadar *mut'ah* iaitu apa yang penting untuk di ambilkira ialah keredaan kedua-dua pihak suami dan isteri. Tetapi, sekiranya tidak tercapai persetujuan maka penentuan akan di buat oleh Hakim.

Walaupun Hakim mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan kadar *mut'ah* bagi pihak-pihak yang bertikai tetapi dia tidak boleh menentukan kadar tersebut dengan sewenang-wenangnya. Berdasarkan mafhum ayat 236 surah al-Baqarah, penentuan kadar telah digariskan oleh Hukum Syarak dengan mengambilkira kedudukan susah senang suami dan sifat serta keadaan isteri. Sifat ialah perwatakan atau akhlak seorang isteri dan keadaan pula ialah status sosial keluarga isteri dalam masyarakat.

Kelalaian suami menunaikan hak material isteri khususnya *mut'ah* akan menyebabkan berlakunya penganiayaan terhadap isteri yang telah diceraikan. Untuk itu, berdasarkan asas-asas hukum yang telah dibincangkan, secara keseluruhannya peruntukan yang berkenaan dengan hak-hak isteri yang diceraikan khususnya mengenai *mut'ah* di dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, secara umumnya adalah menepati Hukum Syarak. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah dari segi penguatkuasaannya yang meliputi aspek undang-undang dan pelaksanaan serta penetapan kadarnya yang di anggap munasabah dan adil bagi kedua-dua belah pihak.

Antara yang jelas ialah dari aspek undang-undang. Sungguhpun terdapat peruntukan yang khusus mengenai *mut'ah* dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, tetapi peruntukan tersebut adalah terlalu umum terutama dari segi golongan wanita yang berhak menerima

mut'ah kerana peruntukan yang terdapat di dalam Akta tidak memperincikan golongan tersebut serta dari segi penetapan kadarnya yang di anggap munasabah. Keadaan ini menyebabkan *plaintif* dan pihaknya sukar membuat tuntutan yang sesuai. Sekiranya tuntutan tersebut agak tinggi, maka pihak *defendan* pula tidak bersetuju dan akan menentanginya.

Masalah juga turut timbul dari aspek penguatkuasaan. Umum mengetahui bahawa kedudukan undang-undang yang berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah terhad bagi wilayah dan negeri yang tertentu sahaja. Keadaan ini akan menyebabkan perintah mengenai pembahagian *mut'ah* yang telah diputuskan oleh Mahkamah Syariah tidak dapat dilaksanakan keseluruhannya kerana tiada peruntukan yang membenarkan perintah berkenaan boleh dikuatkuasakan di wilayah atau negeri yang lain. Walau bagaimanapun, masalah ini dijangka selesai setelah cadangan menyelaraskan pentadbiran undang-undang Islam di semua negeri Malaysia di bawah kerajaan pusat selesai.

Dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 46(1) diperuntukkan bahawa murtad merupakan salah satu faktor yang membolehkan Mahkamah membubarkan perkahwinan. Biarpun begitu, murtad tidak menghapuskan hak *mut'ah*. Sekiranya perpisahan terjadi kerana suami yang murtad, isteri berhak menuntut *mut'ah*. Jika bekas suaminya itu enggan, dia boleh didakwa di mahkamah. Tetapi, di Malaysia

umumnya dan di Wilayah Persekutuan khususnya, Mahkamah Syariah tidak boleh membuat apa-apa perintah terhadap pihak yang telah murtad itu seperti nafkah, *mut'ah*, pembahagian harta sepencarian atau hak jagaan anak kerana apabila berlaku pertikaian di antara orang Islam dan orang bukan Islam, ianya tidak boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah. Akta ini hanya terpakai kepada orang-orang Islam sahaja. Hal ini telah ditentukan oleh Perlembagaan Malaysia dalam jadual ke-9 senarai 2, butiran 1. Oleh itu, peruntukan ini perlu dipinda bagi membolehkan tuntutan *mut'ah* boleh dibuat dan kebajikan isteri yang diceraikan tidak terabai.

Dari aspek pelaksanaannya, terdapat beberapa masalah khususnya yang melibatkan individu terbabit dan sedikit sebanyak yang melibatkan pihak Mahkamah. Masalah individu biasanya, berpunca dari ketidakfahaman mereka terhadap *mut'ah*. Malahan, terdapat sesetengah dari kalangan isteri yang diceraikan tidak mengetahui bahawa mereka mempunyai hak dari sudut undang-undang untuk menuntut *mut'ah*. Akibat daripada kejahilan ini, ramai daripada golongan isteri yang diceraikan itu tidak membuat tuntutan tersebut di mahkamah atau merelakan sahaja sama ada bekas suaminya itu membahagikan *mut'ah* dengan jumlah yang sepatutnya atau tidak.

Terdapat juga sesetengah isteri yang diceraikan mengabaikan hak tersebut kerana berasa berpada dan cukup dengan diberikan nafkah iddah. Kadang-kadang, ada dikalangan isteri yang menyedari hak mereka terhadap *mut'ah*

setelah berlakunya perceraian yang agak lama. Misalnya selepas dua tahun atau tiga tahun. Keadaan ini akan menimbulkan kerumitan yang bukan sedikit sama ada kepada individu yang terlibat mahupun kepada pihak mahkamah. Lantaran itu, sikap yang tidak ambil berat ini memberi peluang kepada suami untuk mengabaikan tanggungjawab tersebut.

Berdasarkan kes-kes yang dikaji, penulis mendapati pembahagian *mut'ah* yang ditentukan oleh mahkamah kurang 20% daripada kadar tuntutan yang asal oleh *plaintif*. Keadaan ini pastinya kurang menarik minat individu yang terbabit menuntut hak *mut'ah* kerana merasakan ianya tidak sepadan dengan jumlah kos dan masa perbicaraan yang di ambil.

Oleh itu, perlulah diadakan satu usaha untuk menilai kembali nilai *mut'ah* yang sesuai berdasarkan kepada keperluan sara hidup semasa di samping kemampuan suami dan tempoh lamanya sebuah perkahwinan yang di ambil.

Seterusnya, semua pihak mestilah bekerjasama untuk mempercepatkan dan melancarkan sesuatu perbicaraan seperti mengurangkan kerenah birokrasi dan mengenakan denda atau penjara ke atas individu yang tersabit atas kesalahan tidak hadir dalam perbicaraan tanpa alasan yang munasabah. Sekiranya keadaan ini dapat diatasi, adalah dipercayai masa sesuatu perbicaraan tidak lagi memakan masa yang panjang dan sebarang pengabaian terhadap isteri yang diceraikan dapat dielakkan.

6.2 SARANAN

Hasil daripada kajian yang di buat, beberapa saranan berikut dicadangkan agar segala kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti dalam bidang undang-undang dan penguatkuasaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, khususnya bagi menangani masalah yang berkaitan dengan *mut'ah* dapat diatasi. Semoga segala bentuk pembahagian dan pertimbangannya terlaksana dengan sempurna dan menepati prinsip Hukum Syarak sekaligus dapat mencegah berlakunya ketidakadilan, penganiayaan dan pengabaian khususnya ke atas bekas isteri yang diceraikan.

1. Ayat-ayat dalam al-Quran yang menyebut tentang *mut'ah* tidak menetapkan jumlah yang maksima atau minima. Cuma, menyebutkan ia hendaklah diberi dengan cara yang *ma'ruf* atau patut. Namun, jika *mut'ah* yang diwajibkan itu hendak dilaksanakan, ia perlu diadakan dengan cara menetapkan kadarnya. Oleh itu, dicadangkan supaya ditetapkan kadar *mut'ah* yang minima dan munasabah kerana isteri yang diceraikan itu mungkin memerlukan bantuan selain ia boleh mencegah daripada perceraian yang terburu-buru.. Di Mesir umpamanya, perkara 18b Undang-Undang No. 100 Tahun 1985 telah memperuntukkan bahawa selain dari mendapat nafkah untuk masa *'iddahnya* seorang perempuan yang mana dalam perkahwinannya telah diadakan perhubungan kelamin

dan kemudian suaminya telah menceraikannya bukan dengan kerelaannya dan tanpa apa-apa sebab dari pihaknya, berhak mendapat *mut'ah* yang ditentukan sekurang-kurangnya nafkah dua tahun, dengan mengambil kira kedudukan suami dari segi kekayaan atau keupayaannya, keadaan perceraian itu dan lamanya perkahwinan itu. Suami yang menceraikan itu boleh membayar *mut'ah* itu dengan cara beransur-ansur.

2. Walaupun beban untuk membuktikan kepada Mahkamah tentang kemampuan *defendan* baik dari segi pendapatan dan pemilikannya adalah kewajiban *plaintif* tetapi membuat affidavit dan membalas affidavit tersebut juga secara tidak langsung boleh di anggap sebagai bahan bukti. Apatah lagi, Mahkamah mempunyai bidangkuasa supaya setiap affidavit itu di balas. Oleh itu, dicadangkan supaya diadakan undang-undang secara bertulis bahawa setiap affidavit supaya defendan menyenaraikan semua hartanya hendaklah di balas dalam tempoh tertentu. Umpamanya, dalam kes Tengku Puteri Zainah lwn Dato Sri Mohd Najib, *plaintif* telah menuntut lima juta ringgit (RM5,000,000.00) sebagai *mut'ah*. Oleh itu, untuk menguatkan alasan tuntutan itu, *plaintif* telah membuat permohonan supaya *defendan* memberi affidavit menyenaraikan semua harta alih dan tak alih dalam miliknya atau dalam milik sebarang agennya atau isteri keduanya. Walau bagaimanapun, pihak *defendan* tidak bersetuju dan enggan

membalas affidavit tersebut. Mahkamah juga, setelah meneliti dan mendengar hujah kedua belah pihak telah menolak permohonan *plaintif* dengan alasan ianya berlawanan dengan syarat perkara yang di dakwa (*Mudda'i*).

3. Mengiktiraf tempoh perkahwinan sebagai satu faktor penting dalam menentukan jumlah *mut'ah*. Oleh kerana tujuan *mut'ah* ialah untuk mententeramkan perasaan isteri yang di cerai, maka perasaan seorang isteri yang telah lama berkahwin dan sudah berumur akan lebih tertekan perasaannya berbanding perasaan seorang isteri yang masih muda dan hanya berkahwin dalam tempoh yang singkat. Lebih malang lagi sekiranya selama ini, isteri tidak bekerja dan hanya bergantung kepada sumber pendapatan suami semata-mata. Untuk memulakan sesuatu pekerjaan bukanlah perkara yang mudah. Lebih malang lagi sekiranya dia menjadi beban kepada keluarga dan masyarakat. Hal ini berbeza sekiranya isteri yang diceraikan itu masih muda dan hanya berkahwin dalam tempoh yang singkat. Kemungkinan untuk dia menyesuaikan diri dengan realiti hidup dan mencari sumber pendapatannya sendiri adalah lebih mudah. Oleh itu, tempoh perkahwinan mestilah di ambilkira dalam menentukan jumlah *mut'ah*, beserta dengan faktor kemampuan kewangan pihak suami dan hal keadaan perceraian itu.

4. Jumlah *mut'ah* yang diperintahkan dalam kes-kes di Wilayah Persekutuan khususnya dan di Malaysia amnya adalah agak rendah. Memang tidak dapat dinafikan jumlah ini adalah munasabah sekiranya pihak-pihak yang bertikai itu berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, mahkamah sepatutnya tidak teragak-agak untuk memerintahkan *mut'ah* yang tinggi jumlahnya dalam kes-kes di mana pihak suami adalah lelaki kaya dan ternama. Mereka sudah tentu mempunyai sumber kewangan yang besar daripada lain-lain sumber selain daripada pendapatan bulanan. Umpamanya pendapatan daripada sumber hasil saham, keuntungan syarikat, dan sebagainya.

5. Selain daripada melihat kemampuan kewangan suami, keadaan isteri juga perlu diambilkira dalam menentukan jumlah *mut'ah*. Sekiranya isteri yang diceraikan itu tidak bekerja, kurang berkemampuan dari sudut kewangan dan kesihatan serta banyak bergantung kepada sumber kewangan suami, maka bebanan isteri tersebut akibat daripada perceraian itu akan lebih berat berbanding mereka yang mempunyai kerjaya sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada sumber kewangan suami. Dalam hal ini, wajarlah kadar *mut'ah* di beri lebih sedikit kepada isteri yang tidak bekerja berbanding dengan mereka yang bekerja.

6. Bentuk bayaran *mut'ah* selain dengan cara ansuran dan pukal, adalah disyorkan juga supaya di buat dalam bentuk berkala yang boleh dilanjutkan selagi pihak isteri itu tidak berkahwin semula dan tidak berkelakuan keji atau sehingga ke suatu tempoh selepas tempoh *'iddah* yang pada pendapat Mahkamah adalah munasabah untuk membolehkan isteri yang diceraikan itu berdikari.

7. Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 tidak memperincikan kategori wanita yang berhak mendapat *mut'ah*. Walaupun dari beberapa penghakiman yang dijalankan di Mahkamah-Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan jelas keputusan-keputusan tersebut mengambilkira pandangan *Imām al-Syāfi'i* dalam menentukan kategori wanita yang berhak menerima *mut'ah* tetapi adalah dirasakan lebih baik sekiranya diperuntukan dengan jelas kategori tersebut di dalam Akta supaya pihak-pihak yang terlibat tidak ragu-ragu untuk menuntut hak tersebut di Mahkamah.

8. Hal keadaan perceraian juga hendaklah diberikan pertimbangan yang wajar oleh Mahkamah dalam menentukan kadar *mut'ah*. Terjadinya sesuatu perceraian adalah berkait rapat dengan kelakuan pihak-pihak yang terbabit. Misalnya isteri tidak menghormati suami atau *nusyūz*. Sekiranya terjadi perceraian kerana disebabkan faktor-faktor tersebut, hak isteri terhadap *mut'ah* tetap tidak luput. Justeru itu, disyorkan

supaya mahkamah akan mengurangkan jumlah *mut'ah* yang kena di bayar kepadanya.

9. Melihat dari beberapa penghakiman yang dijalankan di Mahkamah-Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, didapati keputusan-keputusan yang di buat terutamanya dalam menentukan kadar *mut'ah* tidak seragam dan terarah. Ada yang membuat penghakiman berdasarkan amalan yang dibuat oleh Mahkamah Syariah negara asing dan sebagainya. Justeru itu adalah dicadangkan supaya Badan Perundangan Negeri-Negeri di Malaysia menggubal satu formula yang 'standard' bagi menentukan taksiran *mut'ah* mengikut peringkat usia perkahwinan, pendapatan dan harta milik bekas suami, kedudukan status sosial isteri dalam masyarakat dan lain-lain lagi.
10. Pelaksanaan perintah *mut'ah* ke atas isteri yang diceraikan mestilah berkuatkuasa sebaik sahaja pendaftaran perceraian secara rasmi di buat di Mahkamah Syariah untuk mengelakkan kelewatan proses pembahagian *mut'ah* dan sekaligus mengelakkan daripada sebarang tunggakan. Keadaan seperti ini dirasakan sangat perlu supaya isteri yang diceraikan itu dapat mengurangkan sedikit bebanan kewangan yang di tanggungnya lebih-lebih lagi sekiranya beliau tidak bekerja.

11. Mengenakan hukuman yang maksimum terhadap bekas suami yang sengaja cuai atau enggan membahagikan *mut'ah* terhadap isteri yang diceraikannya itu sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah. Kadangkala suami mengetahui tentang kewajiban tersebut tetapi sengaja tidak mahu membayarnya. Oleh itu, untuk mengajar suami yang bersikap begini, adalah wajar sekiranya hukuman yang berat dikenakan ke atas mereka ini.

12. Membuat beberapa tambahan atau pindaan terhadap beberapa peruntukan dalam Perlembagaan bagi mengemas dan melicinkan lagi pelaksanaan undang-undang Islam di negeri-negeri di Malaysia khususnya Wilayah Persekutuan. Umpamanya, dalam perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan ada memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidangkuasa berkenaan dengan perkara-perkara dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah, akan tetapi Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar permohonan yang melibatkan pihak bukan Islam. Peruntukkan seperti jika tidak di pinda, sudah tentu akan menjejaskan tuntutan *mut'ah* daripada pihak isteri ke atas suaminya yang murtad.

13. Menyegerakan cadangan menyelaraskan pentadbiran undang-undang Islam di semua negeri di Malaysia di bawah kerajaan pusat. Dengan penyelarasan tersebut, adalah diharapkan semua urusan pentadbiran

perlaksanaan undang-undang Islam dapat di tadbir dengan lebih teratur dan mudah agar undang-undang Islam dapat dikuatkuasakan di seluruh Malaysia. Umpamanya diadakan peruntukan melalui kanun prosedur yang memperuntukkan agar mana-mana surat perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan contohnya dapat disampaikan ke mana-mana negeri lain dalam Malaysia supaya bekas suami tidak dapat melarikan diri daripada mana-mana perintah yang dikeluarkan ke atasnya. Di samping itu, ketidakselarasan dan ketidakseragaman ini juga akan menyebabkan perbezaan dalam penghakiman yang di buat oleh Mahkamah Syariah antara satu negeri dengan negeri yang lain walaupun penghakiman tersebut berhubung dengan kes yang mempunyai fakta yang serupa dan ini boleh menimbulkan kekeliruan dan perasaan tidak puas hati.

14. Sungguhpun Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 secara umumnya adalah menepati kehendak Hukum Syarak tetapi Akta tersebut masih ada kelemahannya. Oleh itu, ianya perlu di kaji serta diperbaiki semula dari semasa ke semasa. Kajian hendaklah tidak hanya diasaskan kepada mazhab al-Syāfi'ī sahaja tetapi perlu juga di lihat kepada mazhab-mazhab lain yang 'relevan' dengan keadaan semasa seperti mazhab Ḥanafī, Mālikī dan Ḥanbalī.

15. Peguam-peguam Syarie hendaklah berusaha membawa segala kes-kes yang berada di dalam bidangkuasa Mahkamah Syariah dengan segera untuk diselesaikan dalam sesuatu perbicaraan. Dalam hal ini, Peguam-peguam Syarie hendaklah adil di dalam menjalankan tugas iaitu tidak mengkesampingkan kes-kes di Mahkamah Syariah apabila bertembung dengan kes-kes yang dibicarakan di Mahkamah Sivil. Sebarang penangguhan perbicaraan kerana ketidakhadiran peguam Syarie lebih merumitkan keadaan.
16. Mengadakan kursus-kursus dan penerangan-penerangan dengan lebih kerap lagi mengenai hak-hak isteri selepas perceraian khususnya mengenai hak *mut'ah* sama ada menerusi media cetak mahupun media elektronik.
17. Menggubal semula sukatan pelajaran sekolah menengah dengan memasukkan perkara-perkara yang berkaitan dengan perkahwinan, perceraian dan hak-hak isteri selepas perceraian termasuklah mengenai pembahagian *mut'ah*. Perkara ini dirasakan lebih penting daripada topik-topik lain yang diajar sekarang seperti ibadah Haji, Umrah dan sebagainya.